

05 NOV 1999

DR MAHATHIR RASMI KONVENSYEN HAKKA SEDUNIA

SUBANG JAYA, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Konvensyen Hakka Sedunia ke 15 di Sunway Lagoon Resort Hotel, di sini.

Lebih kurang 1,200 perwakilan dari seluruh dunia menyertai konvensyen empat hari itu.

Dalam buku cenderamata konvensyen itu, Dr Mahathir berkata, masyarakat Hakka di Malaysia yang bilangannya lebih kurang 1.5 juta orang telah menjadi satu kumpulan yang padu menunjukkan bukan sahaja semangat dan keusahwanan tetapi juga kecemerlangan mereka dalam profesion-profesion lain.

"Sejak zaman Yap Ah Loy, pemimpin Hakka terkemuka yang menjadi perintis kepada industri bijih timah negara, masyarakat itu telah menampilkan beberapa warganegara yang cemerlang bukan sahaja dalam sektor awam dan swasta tetapi juga dalam politik," katanya.

-- BERNAMA

HS PR